

23/09/2004

`Lembaga Pengarah Perwaja pantau Chia'

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membenarkan Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd (PSSB), Tan Sri Eric Chia untuk meneruskan projek syarikat itu, dan kosnya pula dipersetujui tanpa merujuk kepada Kementerian Kewangan.

Pengerusi Bukan Eksekutif Perwaja, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, semalam, beliau menyedari hal itu dan Dr Mahathir pernah mengambil tindakan sedemikian beberapa kali.

Bagaimanapun, beliau menambah, ia menjadi tanggungjawab Lembaga Pengarah dan beliau sendiri untuk meneliti projek-projek itu.

Zainal Abidin, 71, saksi pendakwaan ke-20 di perbicaraan Chia, 72, yang didakwa dengan curang meluluskan bayaran berjumlah RM76.4 juta kepada akaun Frilsham Enterprise Incorporated di American Express Bank Ltd di Hong Kong bagi bantuan teknikal yang disediakan di kilangnya di Gurun sedangkan tiada bayaran seperti itu perlu dibuat kepada NKK Corporation.

Secara pilihan, beliau dituduh dengan curang melupuskan dana melalui perjanjian bersama NKK Corporation dan meluluskan bayaran itu tanpa kelulusan lembaga pengarah ataupun jawatankuasa tender Perwaja Rolling Mill Development.

Semasa siasatan balas oleh Datuk Muhammad Shafee Abdullah, peguam bela Chia, Zainal Abidin menjawab beliau tidak mengetahui yang Chia memberi taklimat kepada bekas Perdana Menteri itu secara berjadual setiap bulan berhubung operasi Perwaja.

Soalan yang ditanya ialah sama ada saksi menyedari modus operandi yang digunakan oleh tertuduh, yang beliau (Chia) bertindak mengikut arahan Dr Mahathir, dan bukan `tertuduh mendakwa demikian.'

Selasa lalu, Zainal Abidin ketika pemeriksaan utama berkata, Chia mendakwa beliau diberikan mandat oleh Dr Mahathir untuk mengendalikan syarikat itu bagaikan ia miliknya dan beliau hanya perlu jawab kepada Dr Mahathir berhubung operasi Perwaja.

Kepada satu lagi soalan, berdasarkan surat bekas Perdana Menteri kepada Chia, bertarikh 17 Mac, 1994, saksi itu berkata, beliau menyedari sepenuhnya pengetahuan terperinci Dr Mahathir akan apa yang berlaku di kilang Beam and Section Mill di Gurun.

Muhammad Shafee: "Anda bersetuju bahawa Dr Mahathir mengetahui sepenuhnya perkembangan di Gurun dan Steel Mill Plant di Kemaman, Terengganu?"

Zainal Abidin: "Ia projek beliau (Mahathir)."

Muhammad Shafee: "Adakah anda menyedari yang Dr Mahathir juga berminat dalam memastikan kilang di Gurun berjalan lancar dan tidak menghadapi masalah seperti projek kilang Kemaman?"

Zainal Abidin: "Projek kilang Gurun menjadi tumpuan Dr Mahathir."

Kepada satu lagi soalan, Zainal Abidin berkata, beliau tidak dapat ingat kembali mengenai lawatan Dr Mahathir ke Fukuyama Works iaitu kilang milik NKK pada Disember 1991.

Menunjukkan satu lagi surat daripada Dr Mahathir bertarikh 13 Januari 1995, dan kandungan surat itu: "Bahawa NKK Corporation berpendapat adalah lebih baik menggunakan `slab caster' konvensional bagi Hot Roll Mill. Kapasitinya tidak banyak berbeza berbanding `slab' sederhana. Jika kosnya terlalu tinggi, saya (Dr Mahathir) rasa anda (Chia) harus memilih `caster' konvensional.

Ditanya kilang mana yang Dr Mahathir merujuk kepada, Zainal Abidin

berkata: "Ia satu lagi projek. Kita tidak melaksanakan projek itu."
Perbicaraan bersambung hari ini.
(END)